

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

20. Kemalangan sering berlaku di Persimpangan Jalan Bukit Panchor dan Jalan Permai. Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)?
- (a) Adakah JKR atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) syarutkan pemaju JKP di sebelah persimpangan jalan supaya membina satu lampu isyarat di situ?
- (b) Sekiranya tiada, bolehkah JKR syarutkan kepada pemaju atau JKR akan membina sendiri?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Sebagai makluman, berdasarkan semakan data Polis DiRaja Malaysia (PDRM) terhadap kemalangan di persimpangan Jalan Permai-Bukit Panchor atau berhampiran Jalan Bukit Panchor bagi tahun 2017 dan 2016, hanya terdapat satu (1) kemalangan direkodkan. Menurut laporan kes tersebut menyatakan kemalangan berkenaan tidak berpunca akibat keadaan jalan. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil tindakan penambahbaikan di persimpangan tersebut pada tahun 2017, iaitu melalui pelebaran bahagian kiri persimpangan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak. Pihak JKR juga telah meminta pihak utiliti berkaitan untuk mengalihkan kabinet/aset miliknya yang menghalang pandangan pemandu di persimpangan tersebut.

- (a) Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mensyaratkan pembinaan lampu isyarat di persimpangan Jalan Bukit Panchor dan Jalan Permai kepada pemaju iaitu JKP Sdn. Bhd. memandangkan tiada keperluan ketika permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan pada tahun 2012. Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA) juga tidak disyaratkan kepada pemaju kerana bilangan unit kediaman adalah 90 unit sahaja, iaitu kurang daripada 200 unit.
- (b) Sekiranya terdapat keperluan pemasangan lampu isyarat di kawasan tersebut, pihak JKR perlu membuat kajian dengan mengambil kira lampu isyarat berhampiran untuk diselaraskan. Secara umumnya, pembangunan melibatkan kurang dari 200 unit tidak disyaratkan menyediakan TIA dan membina lampu isyarat.